

BAB 5

KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis memaparkan kesimpulan dan saranan yang berkaitan dengan kajian ini. Tuntasnya berdasarkan perbandingan-perbandingan yang telah dibuat antara nas al-Quran dan teori sains mengenai kelahiran dan kematian bintang. Hasilnya, penulis dapat mengemukakan saranan dan cadangan bagi setiap pihak agar permasalahan kajian dapat diselesaikan.

5.2 Rumusan

Konklusi daripada penyelidikan ini, kajian komparatif antara keterangan nas al-Quran dengan penemuan teori sains akan diteliti dari segi persamaan dan perbezaan yang ada pada kitaran hidup bintang. Teori-teori sains yang dikemukakan boleh diterima selagi tidak bercanggah dengan al-Quran. Bahkan, teori sains yang sinonim dengan al-Quran dijadikan sebagai satu alternatif untuk mentafsir ayat-ayat *kawniyyah* dalam nas al-Quran.

Perbandingan di antara beberapa aspek kitaran hidup bintang dapat diringkaskan berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 5.1: Persamaan dan Perbezaan di antara al-Quran dan Teori Sains

Pentafsiran dalil nas al-Quran	Teori sains yang dikemukakan	Persamaan dan perbezaan
Bintang terbentuk daripada <i>dukhān</i> iaitu asap dan gas.	Bintang terbentuk di nebula yang didominasi gas hidrogen dan helium.	Persamaan ketara dari segi pemakaian lafaz (<i>dukhān</i> iaitu gas).
Bintang diciptakan daripada sekumpulan awan antara najam (interstellar) kemudian pecah.	Bintang terbentuk daripada gumpalan awan yang besar yang berputar laju dan mempunyai daya tarikan graviti. Dalam keadaan ini suhunya bertambah panas. Seterusnya, ia semakin cepat memadat sehingga terbentuknya protobintang.	Persamaan dari segi proses pembentukan sekumpulan awan.
Alam semesta dan objek samawi termasuklah bintang sentiasa mengembang.	Bintang melakukan proses pelakuran nukleus pada terasnya. Pada ketika ini suhu bintang meningkat dan bintang terus mengembang.	Persamaan dari segi proses pengembangan yang berlaku pada teras bintang.
Letupan besar berlaku apabila bintang	Bintang diciptakan hasil daripada letupan	Perbezaan proses selepas berlaku letupan

mengakhiri hayatnya.	(supernova) bintang-bintang berjisim tinggi. Bintang yang musnah disebabkan letupan supernova menghasilkan bintang neutron atau lohong hitam.	besar.
Tiada bintang diciptakan hasil daripada letupan.	Bintang neutron dan lohong hitam terbentuk hasil daripada letupan supernova.	Perbezaan selepas berlakunya letupan.
Bintang akan mengakhiri hayatnya dengan kematian secara pecah bertaburan.	Akhir hayat bintang diramal akan musnah dengan cara menghilang atau pecah bertaburan.	Perbezaan dari segi akhir hayat bintang.
Pembentukan bintang disebut secara umum.	Pembentukan bintang diterangkan secara terperinci	Perbezaan dari segi penjelasan mengenai proses pembentukan bintang
Hayat bintang berperingkat	Hayat bintang berevolusi	Perbezaan dari segi kepercayaan di antara penganut agama Islam dan kristian.

<p>Kenyataan-kenyataan ini berlandaskan sumber wahyu yang disampaikan oleh Allah melalui perantaraan Nabi Muhammad SAW.</p>	<p>Teori-teori ini dirumuskan melalui eksperimen dan cerapan yang telah dilakukan dengan menggunakan alat teknologi beserta dengan imaginasi dan ramalan saintis.</p>	<p>Perbezaan dari segi sumber fakta.</p>
---	---	--

Perbezaan antara ayat-ayat al-Quran dengan teori yang dikemukakan oleh ahli sains antaranya:

- i. Al-Quran dan sains berbeza dari sudut sumber dan kedudukannya.
- ii. Al-Quran bersifat mutlak manakala sains bersifat relatif.
- iii. Al-Quran banyak menyebut secara umum tentang ayat-ayat *kawniyyah* iaitu ayat-ayat yang berkaitan dengan alam tabi'e sedangkan ilmu sains diinterperitaskan berdasarkan fenomena yang berlaku.

5.3 Cadangan dan Saranan

Melalui kajian ini, penulis akan menggarapkan beberapa cadangan dan saranan sama ada berbentuk khusus dengan tajuk kajian, ataupun bersifat umum tentang proses pembentukan alam semesta. Saranan-saranan ini penulis kemukakan hasil daripada keseluruhan kajian untuk perhatian pelbagai pihak, sekaligus bagi menyempurnakan kajian ini:

- i. Penyelidik seterusnya, hendaklah mengambil sendiri data-data cerapan untuk memperolehi maklumat secara langsung antara pencerap dengan objek yang dicerap malahan maklumat yang diperolehi lebih tepat. Rentetan itu, penyelidik juga perlu mengetahui untuk mengendalikannya instrumen yang akan digunakan.
- ii. Jumlah data cerapan perlu diperbanyakkan bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data dan maklumat.
- iii. Pelajar-pelajar falak perlu menekankan ilmu falak yang melibatkan bintang termasuklah pembentukan dan kematiannya. Sebaliknya, mereka hanya mengkaji berkaitan ibadat sahaja.
- iv. Pengkaji seterusnya, seharusnya mengkaji ilmu sains selari dengan nas-nas al-Quran. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat membuktikan bahawa ilmu-ilmu sains telah pun jelas dinyatakan dalam nas al-Quran. Seperti yang sedia maklum, al-Quran merupakan kitab yang sempurna dan syumul dalam semua aspek.
- v. Pelajar-pelajar dan pengkaji seterusnya juga perlu mendalami ilmu nahu dalam nas al-Quran untuk memudahkan dalam memahami lafaz-lafaz yang digunakan dalam mentafsir ayat-ayat *kawniyyah*.
- vi. Sehubungan dengan itu, ilmu astronomi hendaklah dipelajari dan difahami untuk mengharmonikan tafsiran nas al-Quran dan ilmu

sains. Melalui penelitian ini, pelajar-pelajar dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

- vii. Tambahan lagi, penguasaan teknologi yang terkini perlu dikuasai untuk mengetahui kaedah-kaedah yang digunakan oleh saintis dalam pembuktian teori-teori yang telah dikemukakan serta dapat diaplikasikan mengikut cara Islam.
- viii. Pihak APIUM (Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dan pihak yang berkenaan hendaklah memotivasikan dan memberi rangsangan kepada pelajar-pelajar falak supaya penyelidikan mengenai astronomi ini dapat di kuasai dan teruskan dalam pelbagai aspek.
- ix. Pihak universiti perlu memperbanyakkan buku-buku rujukan yang dikarang oleh saintis Islam mengenai ilmu astronomi. Bukan sahaja mengambil buku-buku yang ditulis oleh saintis barat sahaja.
- x. Pihak kerajaan hendaklah menitikberatkan ilmu falak di kalangan pelajar. Bermula di sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti. Ini bertujuan untuk menanam semangat inkuiri dalam diri pelajar bagi menerokai ilmu astronomi Islam. Selain itu, pelajar-pelajar dapat mengurangkan kepercayaan mereka terhadap teori sains sahaja.

- xi. Pihak kerajaan juga perlu perbanyakkan kempen-kempen kesedaran tentang kepentingan al-Quran dan alam semesta.
- xii. Badan bukan kerajaan atau pihak swasta haruslah memberi insentif bagi mempelajari ilmu sains Islam dengan menubuhkan kelab-kelab falak syarie. Serta menjalankan cerapan objek-objek samawi.
- xiii. Pihak JAKIM seharusnya memperbanyakkan ceramah-ceramah atau seminar-seminar yang berkaitan dengan al-Quran dan sains kepada masyarakat. Hal ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta dapat menggambarkan bahawa al-Quran dan sains tidak dapat dipisahkan.
- xiv. Pakar-pakar ilmu al-Quran seharusnya mempelajari ilmu sains agar dapat menyesuaikan tafsiran ayat-ayat *kawniyyah* yang bersifat *mutasyābihat* kepada fenomena alam. Manakala, pakar-pakar sains pula perlu mendalami ilmu al-Quran bagi mengelak daripada memberikan fakta atau teori yang bertentangan dengan syariat Islam.

Harapan penulis dengan cadangan dan saranan yang ditulis ini, dapat membantu penyelidik akan datang mengembangkan lagi kajian seterusnya yang berkaitan dengan astronomi Islam

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, penulis perlu memahami gaya bahasa al-Quran kemudian melihat fenomena kejadian alam untuk dibandingkan persamaan dan perbezaan yang ada dalam nas al-Quran dengan teori sains yang telah dikemukakan. Nas al-Quran adalah tetap dan tidak berubah tetapi pentafsiran pada ayat-ayat *kawniyyah* boleh berubah melalui kajian dan cerapan ke atas objek samawi. Sedangkan, teori-teori sains sentiasa berubah mengikut hasil daripada cerapan-cerapan yang telah dilakukan. Tambahan pula, sains tidak boleh dijadikan sebagai bukti kebenaran al-Quran, sebaliknya al-Quran yang membuktikan teori sains itu benar. Secara tidak langsung dengan kajian yang telah dilakukan ini dapat membuktikan kebenaran al-Quran dan kekuasaan Allah dalam menciptakan dan mentadbir alam semesta.

Jelaslah bahawa di dalam memahami dan menghayati al-Quran berasaskan fakta-fakta sains, wujud kebimbangan tentang al-Quran akan diukur mengikut kriteria saintifik. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa usaha yang sedemikian boleh dilakukan asalkan memahami dan mematuhi batas-batas yang harus dihormati dan telah diakui dalam syarak. Umumnya, teori-teori yang telah dikemukakan oleh saintis barat tidak banyak berlaku percanggahan dengan ayat-ayat al-Quran.

Alhamdulillah, akhirnya dengan izin Allah SWT penulis telah menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini boleh dijadikan rujukan dan memberikan manfaat kepada semua pihak. Segala kelebihan dan kesempurnaan adalah daripada Allah manakala segala kekurangan dan kelemahan daripada diri penulis sendiri.